

PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK
“KESELAMATAN KEBAKARAN DAN KESELAMATAN DI AIR”
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. KATEGORI PERTANDINGAN

- 1.1 Kategori A: Warga JBPM (mewakili negeri masing-masing)
- 1.2 Kategori B: Orang Awam

2. FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Peserta boleh memilih untuk menyediakan video seperti berikut:
 - 2.1.1 Keselamatan Kebakaran
 - 2.1.2 Keselamatan Di Airatau kedua-duanya sekali.
- 2.2 Penyediaan video boleh dibuat secara lakonan atau secara animasi.
- 2.3 Penyertaan video perlu disertakan:
 - 2.3.1 Tajuk Video
 - 2.3.2 Nama Peserta/Ahli Kumpulan dan
 - 2.3.3 Sinopsis.
- 2.4 Video hendaklah dalam Bahasa Malaysia sahaja.
- 2.5 Video yang dihasilkan mestilah lebih baik atau sekurang-kurangnya mematuhi kriteria seperti berikut :
 - 2.5.1 Resolusi : 1920 x 1080p
 - 2.5.2 Format : MP4 / AVI
 - 2.5.3 Orientasi : Horizontal/Wide
 - 2.5.4 Durasi : 30 saat – 60 saat

3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia, khususnya warga JBPM, pelajar institusi pendidikan tinggi dan orang awam.
- 3.2 Penyertaan adalah terbuka kepada individu dan berkumpulan.
- 3.3 Penyertaan adalah secara percuma.

- 3.4 Individu yang dilantik sebagai Urusetia Pertandingan TIDAK dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- 3.5 Video mestilah TIDAK mengandungi unsur-unsur provokasi, politik, menyentuh sensitiviti (agama, fahaman dan kaum), jelik atau tidak wajar.
- 3.6 Setiap video hendaklah mengandungi aspek keselamatan kebakaran atau/dan keselamatan di air. Contoh aspek-aspek tersebut seperti berikut:
 - 3.6.1 Keselamatan Kebakaran:
 - i. Keselamatan Kebakaran di Dapur
 - ii. Alat Pengesan Asap
 - iii. Alat Pemadam Api
 - iv. Fire Blanket
 - v. Amalan Terbaik Keselamatan Kebakaran di rumah
 - vi. Pengurusan Risiko Kebakaran Di Rumah
 - vii. Keselamatan Kebakaran Peralatan Elektrik di Rumah
 - 3.6.2 Keselamatan Di Air:
 - i. Pencegahan Kelemasan di Rumah
 - ii. Kepentingan Personal Flotation Devices (PFD)
 - iii. Papan Tanda Keselamatan Keselamatan di Air
 - iv. Talian Hayat 999
 - v. Tatacara Menyelamat di Air
 - vi. Risiko Di Air
 - vii. Risiko Aktiviti Di Air
 - viii. Tip-tip Keselamatan di Air
 - ix. Langkah-langkah Keselamatan Di Musim Banjir
- 3.7 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dianggap telah bersetuju bahawa jika dipilih sebagai pemenang, nama peserta boleh didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga oleh JBPM.
- 3.8 Setiap video yang yang diterima tidak akan dikembalikan dan video yang telah dihantar untuk penyertaan kepada JBPM tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan yang lain.

4. SYARAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan boleh dikemukakan secara individu dan berkumpulan.
- 4.2 Setiap video adalah merupakan hasil karya sendiri.
- 4.3 Semua ciptaan video pendek mestilah ASLI dan tidak ditiru/diciplak (plagiarism) dari mana-mana video tempatan mahupun dari luar negara.
- 4.4 Kos penyertaan pertandingan adalah ditanggung oleh peserta.
- 4.5 Semua video yang diterima oleh Urusetia Pertandingan akan menjadi HAK MILIK Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan tidak akan dikembalikan.
- 4.6 JBPM dan Urusetia Pertandingan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
- 4.7 Setiap penyertaan hendaklah dimuat turun ke dalam DVD dan dihantar kepada Urusetia Pertandingan beserta:
 - 4.7.1 Borang Penyertaan; dan
 - 4.7.2 Salinan setiap video yang dihasilkan
- 4.8 Video terbaik akan dipilih sebagai pemenang.
- 4.9 Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.
- 4.10 Urusetia Pertandingan akan menghubungi peserta yang dipilih sebagai pemenang.

5. METODOLOGI PENILAIAN

- 5.1 Penilaian akan dilakukan ke atas semua penyertaan yang memenuhi syarat pertandingan ini.
- 5.2 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan Panel Penilai.
- 5.3 Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan; dan
- 5.4 JBPM berhak mengubah suai dan menggunakan video yang diterima tanpa perlu memohon kebenaran daripada peserta.

6. HADIAH PERTANDINGAN

6.1 Pemenang pertandingan ini akan menerima hadiah seperti berikut:

6.1.1 Kategori A: Warga JBPM

Johan - Sijil/Trofi/Wang Tunai RM1,000.00

Naib Johan - Sijil/Wang Tunai RM750.00

Ketiga - Sijil/Wang Tunai RM500.00

6.1.2 Kategori B: Orang Awam

Johan - Sijil/Trofi/Wang Tunai RM1,000.00

Naib Johan - Sijil/Wang Tunai RM750.00

Ketiga - Sijil/Wang Tunai RM500.00

7. BORANG PENYERTAAN

7.1 Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap.

7.2 Penyertaan berserta butiran maklumat penuh peserta hendaklah dihantar dalam bentuk "hard copy" dan "soft copy" sama ada melalui pos atau emel ke bkkjbpm.bomba@1govuc.gov.my

7.3 Penyertaan ditutup pada 15 Oktober 2020 (Khamis).

7.4 Penyertaan yang diterima selepas 15 Oktober 2020 (Khamis) tidak akan diambil kira oleh pihak Urusetia Pertandingan.

7.5 Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Urusetia Pertandingan Mencipta Video Pendek

Tingkat 1

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Lebu Wawasan, Presint 7

62250 WP PUTRAJAYA

No. Telefon untuk dihubungi : 03-8892 7611

- 7.6 Di atas kiri sampul hendaklah ditulis "Pertandingan Video Pendek".
- 7.7 Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

3. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan mencipta video pendek saya/ahli kumpulan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, video saya ini akan menjadi hak milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas itu.

Tandatangan :

()

Tarikh :